

RAKYAT MALAYSIA CUTI PKPB



#JanganPutusAsa
#Malaysia
Sinar

(14 Disember 2020) Sinar, p.7



SELANGOR

Sheera Samsudin (kiri), 20, bersama anak saudaranya, Dani Rayyan (dua dari kiri), 6; Isha (dua dari kanan), 14, dan Arneesha Qistina, 9, bersantai bersama pada cuti hujung minggu ketika tinjauan di Taman Rekreasi Sungai Chiling, Kuala Kubu Baru pada Ahad.



KUALA LUMPUR

Dua pelancong tempatan mengambil gambar di Jalan Alor KL Street Art Lane, Bukit Bintang sambil mengambil kesempatan keadaan langang di kawasan itu ketika tinjauan susulan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).



PULAU PINANG

Lebu Armenian, Georgetown di sini kembali menjadi tumpuan pelancong tempatan dan luar dari Pulau Pinang setelah kerajaan membenarkan rentas daerah serta negeri bagi merencanakan semula aktiviti ekonomi negara.



PAHANG

Orang ramai menghabiskan masa cuti hujung minggu melakukan aktiviti riadah bersama keluarga di Pantai Kempadang, Kuantan di sini pada Ahad. Tinjauan mendapati jumlah pengunjung di pantai itu kembali meningkat selepas kerajaan memberi kebenaran merentas negeri bermula Isnin lepas. Meskipun begitu keadaan masih terkawal dan pengunjung dilihat mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang telah digariskan.



KUALA TERENGGANU

Pengunjung, Nurul Hidayah Mansor, 25, (kanan) bersama rakan-rakan yang lengkap memakai pelitup separuh muka merakamkan gambar kenangan berkunjung ke Dataran Taman Shahbandar bagi melihat keindahan Jambatan Angkat yang menjadi tarikan pelancong di negeri itu.



LABUAN

Kelihatan kanak-kanak mengunjungi taman awam untuk beriadah pada hujung minggu bersama keluarga ketika tinjauan di Kompleks Sukan Air Antarabangsa Labuan.



NEGERI SEMBILAN

Suasana di pantai Teluk Kemang, Port Dickson yang dahulunya sepi bertukar meriah dengan pengunjung menghabiskan cuti umum bersama-sama keluarga dalam norma baharu selepas negara dilanda pandemik Covid-19 sejak awal tahun ini.